

Kerajaan BN Rangka Dasar Yang Mampu Jana Pertumbuhan Ekonomi - Mustapa Bernama
22 Januari, 2012

KOTA BAHARU, 22 Jan (Bernama) -- Malaysia masih menikmati pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan hasil daripada kemampuan kerajaan Barisan Nasional (BN) merangka dasar yang boleh menjana pertumbuhan yang baik, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau berkata setakat ini, ekonomi negara mampu mencatat kadar pertumbuhan sekitar lima peratus, ia merupakan pertumbuhan yang baik berdasarkan keadaan persekitaran dunia yang tidak menentu daripada segi perdagangan dan pelaburan.

"Keadaan ini akan menjana peluang pekerjaan dan perniagaan kepada rakyat Malaysia," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada 347 penerima dalam Parlimen Kubang Krian, di Sekolah Menengah Mulong dekat sini.

Mustapa, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, berkata kejayaan kerajaan menguruskan negara dengan baik memberi banyak faedah kepada rakyat dan ini berbeza dengan negara lain yang menghadapi banyak masalah.

Dalam perkembangan lain, Mustapa menyokong cadangan semua anggota Kabinet dan anggota keluarga terdekat termasuk anak dan pasangan masing-masing diwajibkan menyerahkan salinan dokumen pengisytiharan harta kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi meningkatkan integriti kerajaan.

Beliau berkata pemimpin pembangkang juga tidak harus dikecualikan daripada mengisytiharkan harta mereka kepada SPRM.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=641725>